

542:  
SHAHABUDDIN

1974

JITRA, 2 DIS. (BERNAMA) -- MENTERI BESAR KEDAH, DATUK SRI SYED AHMAD SHAHABUDDIN MENYERU PEMIMPIN-PEMIMPIN PARTI DALAM KERAJAAN BARISAN NASIONAL SUPAYA MENUNAIKAN TANGGUNGJAWAB KEPADA RAKYAT DENGAN JUJUR DAN DEDIKASI.

KEWAJIPAN YANG DILAKSANAKAN MESTILAH TIDAK DIPENGARUHI OLEH MANA-MANA PIHAK ATAUPUN UNTUK FAEDAH SEGULUNGAN KECIL SAHAJA.

BELIAU MENYATAKAN DEMIKIAN DI MAJLIS KESYUKURAN KERANA KEMENANGAN CALUN-CALUN BARISAN BAGI KAWASAN PARLIMEN KUBANG PASU, DI SEKOLAH MENENGAH SULTAN ABDUL HALIM DISINI MALAM TADI.

TURUT HADIR IALAH MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED, AHLI PARLIMEN KAWASAN KUBANG PASU, AHLI DEWAN NEGERI KAWASAN JITRA, ENCIK OSMAN AROFF, AHLI DEWAN NEGERI KAWASAN TUNJANG, ENCIK ISMAIL HANAFI DAN PEGAWAI DAERAH KUBANG PASU, ENCIK TAJUDDIN HAJI HASHIM.

DATUK SRI SYED AHMAD MENAMBAH, CABARAN YANG DIHADAPI OLEH KERAJAAN IALAH UNTUK MENJAYAKAN CITA-CITA DAN KEHENDAK RAKYAT YANG TELAH MEMBERI KEPERCAYAAN KEPADA CALUN-CALUN BARISAN.

- BERSAMBUNG 1245/SZ

543:  
SHAHABUDDIN 2 JITRA

BELIAU MENINGATKAN BAHAWA ANASIR-ANASIR JAHAT DAN ANTI-NASIONAL SENTIASA Mencari jalan untuk mempengaruhi rakyat supaya menyokong mereka.

KERANA ITU PARA PEMIMPIN PARTI HENDAKLAH BERUSAHA MENGUKUHKAN PERPADUAN AHLI DAN KEKUATAN PARTI BAGI MENYINGKIRKAN PENGARUH ITU.

MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED PULA BERHARAP RAKYAT DI NEGERI INI MEMPERTAHANKAN SISTEM DEMOKRASI YANG MEMBERI KUASA KEPADA GULUNGAN BESAR RAKYAT MEMILIH KERAJAAN.

KATANYA, JIKA KUASA DIBERI KEPADA GULUNGAN MINORITI MEMERINTAH AKAN HANCURLAH NEGARA INI.

TAMBAH BELIAU, NEGARA AKAN BERJAYA MENCAPAI KEMAJUAN JIKA TERDAPAT TITIK PERTEMUAN DAN PERUNDINGAN DENGAN FIKIRAN YANG

WARAS TANPA DIPENGARUHI OLEH EMOSI.

DR. MAHATHIR BERKATA, TERDAPAT GULUNGAN MINORITI YANG MENJALANKAN USAHA MENJATUHKAN IMEJ KERAJAAN DENGAN MENGHASUT RAKYAT.

- BERSAMBUNG 1247/SZ

544:  
SHAHABUDDIN 3 JITRA

MEREKA MENGHASUT SEMATA-MATA KERANA IRIHATI DAN MARAH DISEBABKAN TIDAK DIPILIH MENJADI WAKIL RAKYAT. BELIAU BERHARAP SETIAP RAKYAT MENGAWASI GULUNGAN ITU.

KATANYA LAGI, DALAM PILIHANRAYA LALU UMNO TELAH MENARIK BANYAK PARTI BEKERJSAMA UNTUK KEPENTINGAN NEGARA TETAPI HANYA 80 PERATUS PENGUNDI SAHAJA MENYOKONG BARISAN.

+KITA TIDAK BOLEH MENDAPAT SOKONGAN 100 PERATUS DARIPADA RAKYAT. JIKA TERDAPAT DEMIKIAN INI ADALAH PAKSAAN SUPAYA RAKYAT MENGUNDI SEBUAH PARTI SAHAJA SEPERTI YANG BERLAKU DI BEBERAPA BUAH NEGARA LAIN+, TAMBAH BELIAU.

DR. MAHATHIR BERKATA, JIKA RAKYAT DIPAKSA MENGUNDI SEMUA CALUN-CALUN BARISAN NASIONAL DI PERINGKAT PARLIMEN DAN DEWAN NEGERI, MAKA AKAN TAMATLAH DEMOKRASI. -- BERNAMA 1250/SZ